



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Menara Kinabalu,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **100-4/10 Jld.(6)/( 78 )**

Tarikh : **05 Januari 2023**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan,  
Semua Pegawai Daerah,  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil.

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

### **PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2023 PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023**

#### **1. TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran **BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN (BKK) 2023**.

#### **2. LATARBELAKANG**

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah (PPNS) Bil. 8/2022 bertarikh 04 Januari 2023. Pekeling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

#### **3. KAEADAH PEMBAYARAN**

- 3.1 BKK Tahun 2023 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 akan dibayar secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) serentak dengan gaji bulan Januari 2023. Bayaran dibuat hanya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2023.



**“SABAH MAJU JAYA”**

- 3.2 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian, bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2023 tetapi layak dibayar BKK Tahun 2023, Jabatan hendaklah menyediakan input BKK Tahun 2023 melalui Sistem ePay A3 dan menghantar input mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. Input BKK Tahun 2023 boleh dihantar mulai bulan Februari 2023 (INPUT GAJI BULAN MAC 2023) tertakluk kepada Jadual Penghantaran Input Bulanan (Lampiran 1, PBNS Bil. 9/2022).

#### 4. KOD BAYARAN / POTONGAN

- 4.1 Kod bayaran / potongan BKK Tahun 2023 adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
15106	403	BKK 2023	BANTUAN KHAS KEWANGAN 2023
15106	698	TBKK 2023	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN 2023
15106	767	BLKBKK	KUTIPAN BALIK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN 2023
29306	404	BKK2023VT	BANTUAN KHAS KEWANGAN 2023 VOT TERBUKA
29306	699	TBKK2023VT	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA
29306	768	BLKBKKVT	KUTIPAN BALIK BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA TAHUN SEMASA

#### 5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Pusat Kawalan Sistem Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima BKK Tahun 2023 kepada semua Kementerian/Jabatan dibawah SGP termasuk JMS untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.
- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran BKK Tahun 2023 kepada setiap anggota masing-masing teratur dan mematuhi peraturan PPNS Bil. 8/2022. Perhatian hendaklah diberikan kepada **pegawai yang tidak layak dan ditangguhkan BKK Tahun 2023**. Selanjutnya pembayaran BKK Tahun 2023 kepada Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula hendaklah mematuhi PPNS Bil. 8/2022.
- 5.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula BKK Tahun 2023 yang telah dibayar jika berlaku salah bayaran. Pelarasan hendaklah dibuat segera melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji mengikut jadual penghantaran input.

**“SABAH MAJU JAYA”**

- 5.4 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar BKK Tahun 2023 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon virement atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

## 6. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

- 6.1 BKK Tahun 2023 kepada PSH akan dibayar serentak dengan gaji bulan Januari 2023 berpandukan kepada senarai penerima PSH yang terdapat dalam Sistem Upah Harian (SUH).
- 6.2 Jabatan hendaklah mendaftarkan maklumat dalam SUH dan mengemukakan baucar bayaran am ke Jabatan Bendahari Negeri / Jabatan Pertanian Sabah. Bagi baucar PSH yang dibayar di Jabatan Bendahari Negeri, baucar tersebut hendaklah diluluskan di peringkat Jabatan.
- 6.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan PSH memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4.1 PPNS Bil. 8/2022. Salinan surat pelantikan berserta salinan surat penerimaan jawatan hendaklah dikepilkhan bersama sebagai sokongan yang melayakkan PSH berkenaan diberi BKK Tahun 2023.
- 6.4 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan pembayaran BKK Tahun 2023 kepada PSH di Jabatan masing-masing kerana kelewatan untuk mengemukakan baucar bayaran am ke Jabatan Bendahari Negeri / Jabatan Pertanian Sabah ataupun mendapat teguran kerana terdapat PSH yang tidak layak diberi BKK Tahun 2023 kerana tidak memenuhi syarat seperti di para 6.3.

## 7. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemosykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088 - 368516 atau e-mel [AkiffZaquan.Arif@sabah.gov.my](mailto:AkiffZaquan.Arif@sabah.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATIN MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)**  
**Bendahari Negeri**



JA/DSS/aza

**“SABAH MAJU JAYA”**

s.k. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
Peti Surat 128  
**88592 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian, Jln Tasik  
Beg Berkunci 2050  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 68  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 7, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**  
(u.p : Encik Mohd. Nazrin Syahiran bin Sabran)

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
Blok A, Tingkat 8, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**  
(u.p : Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos)